



SIARAN AKHBAR

BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK MENERBITKAN INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) PERTAMA BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN NOVEMBER 2021

1. Brunei Darussalam Central Bank [BDCB] pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau *Business Sentiment Index (BSI)* yang pertama bagi Negara Brunei Darussalam bagi bulan November 2021. Indeks tersebut adalah berdasarkan kaji selidik yang disertai oleh perniagaan-perniagaan berbagai saiz termasuk mikro, kecil, sederhana dan besar yang dipilih dari kesemua sektor ekonomi dalam negara. Projek BSI ini telah bermula sejak Ogos 2020, di mana perniagaan-perniagaan yang terpilih telah ikut serta dalam kaji selidik ini secara berterusan.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan-perniagaan di Negara Brunei Darussalam. BSI juga menilai iklim perniagaan bagi sektor swasta secara keseluruhan dan juga iklim di dalam setiap sektor tersebut. Oleh itu, BSI boleh digunakan sebagai petunjuk makro bagi mengukur pertumbuhan ekonomi yang juga mempunyai ciri-ciri yang berpadangan ke hadapan. BSI adalah berdasarkan data dari kaji selidik yang dikendalikan terhadap perniagaan-perniagaan melalui soalan-soalan yang berkaitan dengan keadaan dan jangkaan iklim perniagaan, pelaburan, pekerjaan, dan kos untuk menjalankan perniagaan. Lebih kurang 600 perniagaan daripada sebelas (11) sektor ekonomi tempatan telah dikenalpasti untuk menyertai kaji selidik ini.

Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik/Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot/Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

3. Terdapat sembilan (9) sub-indeks dalam BSI. **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, yang dianggap sebagai indeks utama BSI, adalah 50.1 pada bulan November 2021. Ini merupakan kenaikan bagi kali kedua sejak bulan Oktober setelah merekodkan penurunan pada bulan September 2021. Walau bagaimanapun, kenaikan ini adalah tidak menyeluruh bagi semua sektor dan masih terdapat ketidaktentuan sejak mulanya gelombang kedua wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada awal Ogos 2021. Sejak itu, perniagaan-perniagaan telah menghadapi pelbagai cabaran kepada operasi masing-masing termasuk pekerja yang perlu menjalankan kuarantin; ketiadaan projek baru; pengurangan perjalanan ke tapak-tapak pembinaan dan perjumpaan dengan pelanggan; pemendekan waktu operasi atau waktu kerja dan langkah-langkah pembendungan yang telah memberikan impak kepada para peniaga. Walaubagaimanapun, para perniaga merasa lebih optimistik dengan masa yang akan datang, di mana indeks bagi satu bulan ke hadapan adalah 50.6, dengan kebanyakan sektor berpandangan bahawa mereka akan dapat meningkatkan aktiviti perniagaan selepas mulanya Operasi Peralihan pada bulan November 2021.

4. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 49.9 bagi bulan November 2021, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan dan 50.6 untuk tiga bulan berikutnya. Ini menunjukkan bahawa sektor swasta pada amnya telah mengalami penurunan pelaburan, seperti pelaburan bagi alat-alat kelengkapan, peralatan, dan premis pada bulan November berbanding dengan Oktober 2021. Walaupun para peniaga tidak membuat perancangan untuk meningkatkan pelaburan bagi bulan Disember, mereka menjangkakan pelaburan akan meningkat pada bulan Februari 2022. Para peniaga mengongsikan bahawa dengan aktiviti perniagaan yang kurang aktif sejak penularan wabak COVID-19, mereka telah menangguhkan pelaburan yang dirancang dan kekal berwaspada.
5. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.0 untuk bulan November 2021 dan 50.5 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa sektor swasta secara amnya tidak mengambil pekerja baharu bagi bulan November 2021 dan akan meningkatkan pengambilan pekerja pada bulan Disember 2021. Perniagaan-perniagaan telah mula mengambil lebih banyak tenaga pekerja tempatan disebabkan kesukaran dalam mengambil pekerja asing dengan sekatan sempadan dan keadaan wabak COVID-19 di luar negara. Kebanyakan perniagaan mengambil pekerja baru untuk mengganti tenaga pekerja bukan tempatan yang telah tamat tempoh kontrak pekerjaan dan pulang ke negara asal. Walau bagaimanapun, antara cabaran yang dilaporkan oleh para peniaga ialah kadar pemberhentian tenaga kerja tempatan yang amat tinggi.
6. **Sub-indeks Kos** adalah 50.3 dan 50.4 masing-masing bagi bulan November dan Disember 2021. Ini menunjukkan bahawa para peniaga merasakan kos menjalankan perniagaan pada bulan November 2021 telah meningkat berbanding dengan bulan Oktober 2021 dan menjangkakan peningkatan yang berterusan pada bulan Disember 2021. Sejak gelombang kedua wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, dan sebelum perlaksanaan Operasi Peralihan pada bulan November 2021, peningkatan kos disumbangkan oleh pembelian peralatan perlindungan diri (*PPE*), sungkup muka, pencuci sanitasi tangan, *antigen rapid test (ART)*, dan bekas makanan bagi restoran-restoran, memandangkan sekatan untuk *dine in* yang telah meningkatkan perkhidmatan *takeaway*. Tambahan lagi, sejak wabak COVID-19 bermula pada tahun 2020, peniaga-perniagaan telah mengalami kos logistik ataupun kos penghantaran.

BSI November 2021	
Keadaan Perniagaan	50.1
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.6
Pelaburan	49.9
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.6
Pengambilan Pekerja	50.0
Pengambilan Pekerja Satu Bulan Ke Hadapan	50.5
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.3
Kos Satu Bulan ke hadapan	50.4

7. **Dari segi sektor ekonomi**, sentimen adalah optimistik bagi sebahagian sektor ekonomi di bulan November 2021. Walau bagaimanapun, masih terdapat sentimen pesimistik di sektor Pembuatan, Pembinaan, Kewangan & Insurans dan Kesihatan & Pendidikan. Secara keseluruhan, ini menunjukkan peningkatan berbanding keadaan sektor-sektor tersebut pada bulan-bulan sebelumnya. Bagi bulan Oktober 2021, hanya Sektor Minyak & Gas dan yang berkaitan, dan Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan merekodkan sentimen yang optimistik. Sementara itu, sepuluh (10) sektor melaporkan keadaan yang semakin merosot pada bulan September 2021 kecuali Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan. Sentimen pesimistik yang dirasakan secara amnya adalah berkaitan

dengan ketidaktentuan sejak bermulanya gelombang kedua wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Memandangkan tempoh kaji selidik dijalankan adalah pada dua minggu pertama setiap bulan, hasil kaji selidik bagi bulan November 2021 telah dijalankan sebelum perlaksanaan Operasi Peralihan.

Keadaan Perniagaan November 2021 Mengikut Sektor	
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.1
Pembuatan	49.9
Pembinaan	49.5
Perdagangan Borong & Runcit	50.1
Pengangkutan & Komunikasi	50.3
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.1
Kewangan & Insurans	49.9
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.1
Hotel & Restoran	50.2
Kesihatan & Pendidikan	49.7
Perkhidmatan Lain	50.0

8. Dari segi indeks keadaan perniagaan mengikut saiz perniagaan, pengusaha-pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) berpendapat keadaan perniagaan terus merosot pada bulan November 2021 sejak bermulanya gelombang kedua wabak COVID-19 pada bulan Ogos yang telah mengganggu operasi perniagaan. Antara cabaran-cabaran yang dilaporkan oleh PMKS sejak BSI mula direkodkan adalah kesukaran untuk mengambil pekerja asing disebabkan sekatan rentas sempadan akibat wabak COVID-19 dan juga keadaan cuaca yang tidak menentu. Sementara itu, selepas indeks tersebut menurun selama tiga bulan berturut-turut pada bulan Ogos, September dan Oktober, perniagaan-perniagaan besar telah melaporkan keadaan perniagaan yang lebih optimistik bagi bulan November 2021.

Keadaan Perniagaan November 2021 mengikut ukuran	
Mikro	49.8
Kecil	49.7
Sederhana	49.6
Besar	50.1

9. Bagi maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai bolehlah merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik, termasuk Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020, dari laman sesawang BDCB dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank


Ruj: BDCB/COMMS/3

Tarikh: 28 Rabiulawal 1443H/3 Disember 2021M

Nota:


Carta BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di LAMPIRAN 1.

LAMPIRAN 1



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan yang lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya, dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan yang lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos, manakala indeks kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga November 2021



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen menurut saiz perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.